



14 Julai 2014
14 July 2014
P.U. (A) 206

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN GAJI MINIMUM) 2014

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE IN RELATION TO MINIMUM WAGES) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN GAJI MINIMUM) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Gaji Minimum) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larian orang yang layak daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, hendaklah dibenarkan bagi orang yang layak itu suatu potongan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang layak itu, yang bersamaan dengan amaun yang dinyatakan dalam subkaedah (2), bagi membayar gaji minimum kepada pekerjaanya antara bulan Januari 2014 hingga Disember 2014 dalam tempoh asas itu bagi tahun taksiran itu.

(2) Amaun yang disebut dalam subkaedah (1) ialah amaun perbezaan antara amaun gaji minimum yang dibayar oleh orang yang layak kepada pekerjaanya bagi bulan Januari 2014 dengan amaun gaji yang dibayar oleh orang yang layak itu kepada pekerja yang sama bagi bulan Disember 2013.

(3) Orang yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

(a) suatu perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor pembuatan yang bermastautin di Malaysia, yang di akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (i) mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi dua ratus orang; atau
 - (ii) mencapai jualan tahunan tidak melebihi lima puluh juta ringgit;
 - (b) suatu perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor perkhidmatan dan sektor yang lain yang bermastautin di Malaysia, yang di akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—
 - (i) mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi tujuh puluh lima orang; atau
 - (ii) mencapai jualan tahunan tidak melebihi dua puluh juta ringgit;
 - (c) suatu koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] dan bermastautin di Malaysia; atau
 - (d) suatu pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] dan bermastautin di Malaysia.
- (4) Pekerja yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—
- (a) seorang pekerja sepenuh masa;
 - (b) seorang pekerja yang kontrak perkhidmatannya dengan orang yang layak bermula sebelum 1 Januari 2014 dan pekerja itu bekerja dengan orang yang layak antara tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014;
 - (c) seorang pekerja yang amaun gaji yang diterima sebelum 1 Januari 2014 kurang daripada gaji minimum; dan